

5/11/2014 (week)
2#

UTHM galak pelajar aktif aktiviti sukarela

BATU PAHAT - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menggalakkan pelajarannya aktif kegiatan sukarela supaya dapat mengimbangi akademik dan kokurikulum semasa meneruskan pengajian di kampus.

Naib Canselor UTHM, Profesor Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, baginya, pelajar adalah duta universiti kerana setiap perkara positif dilakukan, mereka membawa nama baik kampus.

Katanya, kegiatan dan aktiviti sukarela mampu mendidik pelajar lebih mesra dengan orang ramai selain mendidik menjadi lebih ringan tulang.

“Buat masa ini kita telah mengadakan beberapa program dengan penduduk tempatan, terutama perkampungan sekitar Parit Raja dan kawasan berhampiran.

“Antara dijalankan ialah gotong-royong, khidmat masyarakat serta terkini program motivasi kepada anak-anak

kampung untuk melanjutkan pengajian ke menara gading.

“Pelajar UTHM juga pernah mengadakan kelas tuisyen untuk calon Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) secara percuma,” katanya.

Beliau ditemui selepas perasmian Minggu Haluan Siswa Pelajar Baharu Sesi 2014/2015. Turut hadir, Ahli Parlimen Sri Gading, semalam.